



Buletin

INSTUN

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM



JUN 2025



PROGRAM SOK SIHAT@INSTUN

Muka Surat 16

PERSIDANGAN PEMBANGUNAN JABATAN KESIHATAN NEGERI PERAK 2025

Muka Surat 5



**MENARIK
DI DALAM**

**SESI
PENYELARASAN DAN
MELENGKAPKAN
DOKUMEN RPTO
DI CAAM**

Muka Surat 12

ISSN 2600-853X



9 772600 853003



www.instun.gov.my



Institut Tanah Dan Ukur Negara



[instun_official](#)



INSTUN



INSTUN ACADEMY

#MelakarKegemilanganMendahuluiCabaran

SIDANG REDAKSI

PENAUNG
TUAN KHAIRIN NAZRY BIN KARIM

PENASIHAT
ENCIK JACOB RAJU A/L JAYADURAI

KETUA EDITOR
ENCIK ABDUL RASHID BIN OMAR

PEREKAAN & GRAFIK
ENCIK MOHAMAD HAFIZ BIN ABDUL AZIZ

SIDANG EDITOR

UKP BPP

UKP BPPT

UKP BUP

UKP BTM

UKP INSTUN

DARI KETUA EDITOR

Syukur ke hadrat illahi, buletin INSTUN 2025 bagi bulan Jun telah berjaya diterbitkan. Antara tujuan utama penerbitan buletin instun ini adalah untuk melaporkan aktiviti - aktiviti yang telah dijalankan di INSTUN sepanjang bulan Jun. Ia jugak adalah sebagai satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsi bersama tentang informasi aktiviti yang telah dijalankan selari dengan perancangan di dalam takwin INSTUN khususnya.

Diharapkan penerbitan buletin ini akan menjadikan peransang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan Aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti penyelaras buletin Jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan. Tahniah sekali lagi kepada sidang editor buletin instun pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



KURSUS DALAM TALIAN: TANGGUNGJAWAB PEMILIK PETAK STRATA (TKE07/25)

TARIKH : 4 Jun 2025

TEMPAT : Dalam Talian **Google Meet**

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 68 orang pegawai dari pelbagai agensi negeri dan swasta di Semenanjung Malaysia. Objektif kursus meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkaitan dengan tanggungjawab pemilik petak strata. Penceramah dari Bahagian Pesuruhjaya Bangunan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, PMgr Sr Che Adzhan Bin Che Adnan.



KURSUS PENGURUSAN NOTIS DI BAWAH PERUNDANGAN TANAH (TL13/25)

TARIKH : 6 - 8 Mei 2025

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Pengurusan Tanah, Akademi B, INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 38 orang pegawai dari pentadbiran tanah persekutuan dan negeri di Semenanjung Malaysia. Objektif kursus memberi pengetahuan dan kemahiran dalam tatacara penghantaran notis.

Penceramah En Zahar bin Sappar, Pn Noranizawaty binti Yusof, En Mohd Zoolhalmy bin Razali, Pn Siti Aminah binti Samsuri dan dibantu oleh fasilitator En Azman bin Md Dali, En Huzaifah bin Amnan, En Adham Farid bin Mohmad Daud dan Cik Nurul Ashikin binti Khair-Al-Anwar dan penceramah jemputan dari Bahagian Pembahagian Pusaka Kecil JKPTG Puan Norazura binti Sudin.



KURSUS DALAM TALIAN : KURSUS PENTADBIRAN TANAH NEGERI SABAH (TPE05/25)

TARIKH : 17 – 18 Jun 2025

TEMPAT : Dalam Talian

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri oleh seramai 53 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan pelbagai Kementerian / Jabatan. Kandungan kursus ini merangkumi tajuk berikut:

- Pengenalan kepada Ordinan Tanah Sabah
- Pengenalan kepada Pemberimilikan
- Pendaftaran Hakmilik dan Urusniaga
- Pengenalan kepada Pembangunan Tanah
- Pengukuran Tanah
- Pengurusan dan Perolehan Tanah Persekutuan di Sabah



KURSUS PENGAMBILAN TANAH BILANGAN 1 (TL15/25)

TARIKH : 17 Jun 2025 - 19 Jun 2025

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Pengurusan Tanah, Blok C, INSTUN

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 25 orang pegawai dari pelbagai agensi negeri di Malaysia. Objektif kursus meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mengenai aspek pengambilan tanah.

Isi kandungan :

- Intisari Akta Pengambilan Tanah 1960.
- Permohonan Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 3(1)(a), (b) dan (c) sehingga Seksyen 9.
- Notis, Siasatan dan Perintah Pentadbir Tanah.
- Prinsip Penentuan Pampasan.
- Bayaran Pampasan, Rujukan ke Mahkamah dan Penyediaan Afidavit.
- Ambil Milik, Bayaran Pampasan Tambahan, Caj Bayaran Lewat dan Penarikan Balik.
- Permohonan Ukur, Bayaran Pelarasan, Pindaan Cukai dan Pengeluaran Hakmilik Sambungan.
- Pendudukan atau Penggunaan Sementara Tanah.



PERSIDANGAN PEMBANGUNAN JABATAN KESIHATAN NEGERI PERAK 2025

TARIKH : 23 Jun 2025

TEMPAT : Heritage Hotel Cameron Highland, Pahang.

PENCERAMAH : Encik Huzaifah Bin Amnan

RINGKASAN PROGRAM : Persidangan ini merupakan satu platform multidisplin bagi pengurusan pentadbiran pembangunan yang merangkumi pengisian komponen isu projek, naik taraf projek, projek RMK, peruntukan kewangan serta pra, proses dan pasca pemberimilikan, pengambilan, perwartaan/ perizaban, pencerobohan & penyewaan tanah. Melalui sesi perkongsian pengetahuan, pandangan, proses kerja dan cabaran dapat membantu merencanakan perkembangan idea-idea yang akan dapat mengemudi ke arah dan hala tuju pembangunan yang dinamik.

Pegawai BPPT INSTUN telah dijemput untuk menyampaikan ceramah bagi Slot Bicara Tanah.



KURSUS PERINTAH JUALAN (LELONGAN) PEJABAT TANAH

TARIKH : 24-25 Jun 2025

TEMPAT : INSTUN

PENCERAMAH : Encik Zahar Bin Sapar dan Dr Azrihisyam Bin Jambut.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri oleh seramai 27 orang dari pentadbiran tanah di JKPTG/ PTG/ PDT/ PTD/ PTJ. Objektif kursus ini bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan peraturan dan tatacara perintah jualan.



LAWATAN PENTADBIRAN TANAH BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERUNDANGAN TANAH (BPPT) KE PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU (PKB)

TARIKH : 23 Jun 2025

TEMPAT : Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu, Wilayah Kuala Lumpur.

RINGKASAN PROGRAM : Seramai 16 orang penceramah bersama 3 orang urus setia dari Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah (BPPT) telah hadir dalam lawatan pentadbiran tanah ke Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu (PKB) pada 23 Jun 2025 (Isnin) bertempat di Kampung Baru, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Lawatan ini merupakan salah satu aktiviti luar yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta berkaitan bidang pentadbiran dan perundangan tanah, mengukuhkan jaringan antara institusi dan menanam minat yang lebih mendalam dalam bidang pentadbiran dan perundangan tanah. Sepanjang sesi lawatan, para peserta telah didedahkan kepada 3 sesi ceramah yang bermanfaat seperti berikut:

1. Intisari Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu (PKB).
2. Halatuju Pembangunan Kampung Bharu.
3. Projek Pembangunan Semula Kampung Sungai Baru, Kuala Lumpur.

Slot-slot perkongsian ilmu tersebut telah disampaikan oleh Encik Shahrul Ezad bin Samsudin dari Bahagian Pengurusan dan Komunikasi Korporat, dan Encik Mohd Khire bin Abdul Latif dari Seksyen Pengurusan Tanah.

Selain itu, peserta juga berpeluang melawat Pintasan Saloma dan meninjau persekitaran serta pemandangan dari pintasan tersebut. Para peserta juga diberi taklimat ringkas mengenai Pintasan Saloma oleh Encik Mohd Khire bin Abdul Latif, berpandukan peta Kampung Bharu yang disediakan. Lawatan ini bukan sahaja memberi gambaran jelas mengenai aplikasi teori perundangan tanah dalam pembangunan Kampung Bharu, malah memperkukuh pemahaman para peserta, khususnya penceramah terhadap aspek pembangunan tanah.

Pihak INSTUN merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu atas penerimaan kunjungan ini dan berharap kerjasama seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang.




KURSUS DALAM TALIAN: PENGENALAN UKUR KEJURUTERAAN (UGE03/25)

TARIKH : 11 Jun 2025

TEMPAT : INSTUN

RINGKASAN PROGRAM : Kursus Pengenalan Ukur Kejuruteraan telah berjaya dilaksanakan dalam talian pada 11 Jun 2025 di INSTUN dengan penyertaan peserta seramai 79 orang dari pelbagai agensi. Antaranya dari Ibu pejabat JUPEM, JUPEM negeri, Pejabat Daerah & Tanah, JKPTG, JMG dan Kolej Universiti Agrosains Malaysia. Kursus ini bertujuan untuk memberi pengetahuan asas cabang ilmu ukur dan memahami kaedah pengukuran dalam bidang ukur kejuruteraan.

Peserta memberikan maklum balas positif dan mereka juga mengesyorkan agar kursus ini diteruskan. Secara keseluruhannya, kursus ini telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Diharapkan ilmu yang diperoleh dapat dimanfaatkan dalam bidang kerja masing-masing.



KURSUS PEMETAAN UTILITI BAWAH TANAH -SIRI 1 (UK04/25)

TARIKH : 17 – 19 Jun 2025

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Ukur Kadaster (PKUK), INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus pemetaan utiliti bawah tanah ini telah dilaksanakan bermula pada 17 Jun 2025 bertempat di PKUK INSTUN dengan dimulai dengan taklimat awal kursus oleh penyelarass kursus. Para peserta diberikan penerangan berkaitan perjalanan kursus untuk tempoh tiga (3) hari bagi membolehkan mereka bersedia dengan setiap tentatif kursus yang telah disusun ini.

Pada hari kedua, para peserta telah didedahkan dengan kaedah pengesanan pemasangan utility di lapangan dengan menggunakan peralatan Electromagnetic Locator (EML) dan Ground Penetrating Radar (GPR). Selain itu juga, peserta turut berpeluang untuk melakukan kalibrasi peralatan pengesanan utiliti di Rumah Kalibrasi Bawah Tanah INSTUN.

Seterusnya, pada hari terakhir kursus, peserta didedahkan tentang bagaimana kaedah ukuran data utiliti dilakukan untuk tujuan penyediaan plan utiliti. Segala perkongsian serta informasi daripada pihak JUPEM ini amatlah berguna kepada peserta kursus dalam memastikan segala kerja yang melibatkan pengesanan dan ukuran utiliti dapat dilakukan dengan baik dan sempurna. Semoga para peserta beroleh manfaat daripada penyertaan di dalam kursus yang dianjurkan ini.



MESYUARAT PRA-PENYELARASAN GERAK KERJA SEMINAR UMAS 2025

TARIKH : 24 Jun 2025

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Ukur Kadaster (PKUK), Blok Akademi C, INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Mesyuarat Penyelaras Gerak Kerja Seminar Pemetaan Utiliti Bawah Tanah (UMAS) 2025 telah diadakan bagi menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti berkaitan seminar yang dijadualkan berlangsung pada 15 Julai 2025. Mesyuarat ini melibatkan penyertaan pegawai-pegawai daripada Bahagian Ukur dan Pemetaan yang terlibat secara langsung dalam perancangan dan pengurusan seminar.

Mesyuarat ini bertujuan memastikan segala aspek pelaksanaan seminar dirancang dengan teratur dan berjalan lancar, termasuk pengisian atur cara, jemputan penceramah, pengurusan peserta, promosi, penyediaan bahan seminar, serta hal-hal logistik dan teknikal. Beberapa cadangan penambahbaikan turut dibincangkan bagi meningkatkan impak dan keberkesanan penganjuran seminar.

Keseluruhannya, mesyuarat ini menjadi platform penting dalam menyelaraskan peranan dan tanggungjawab setiap jawatankuasa serta memastikan komitmen semua pihak ke arah penganjuran Seminar UMAS 2025 yang berjaya dan berimpak tinggi.



KURSUS SISTEM KOORDINAT DI MALAYSIA (UGO4/25)

TARIKH : 24 Jun 2025

TEMPAT : Pejabat Persatuan Jurukur Tanah Bertauliah (PEJUTA).

RINGKASAN PROGRAM : Agenda utama perbincangan termasuklah pelaksanaan Seminar Pemetaan Utiliti (UMAS), yang bertujuan memperkuat kesedaran dan pemahaman terhadap kepentingan pemetaan utiliti bawah tanah di Malaysia. Selain itu, turut dibincangkan ialah Bengkel Modul INSTUN 2026, bagi merancang dan menyelaraskan penyediaan modul latihan tahunan yang lebih komprehensif dan relevan dengan keperluan semasa industri serta dasar kerajaan.

Perbincangan juga akan meliputi cadangan pelaksanaan latihan dalam dan luar negara secara pakej, iaitu pendekatan latihan bersepadu yang memberi ruang kepada pegawai INSTUN untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan melalui pendedahan berskala lebih luas, sejajar dengan objektif pembangunan kompetensi berterusan.



SESI PENYELARASAN DAN MELENGKAPKAN DOKUMEN RPTO DI CAAM

TARIKH : 25 Jun 2025.

TEMPAT : Civil Aviation Authority of Malaysia, Putrajaya.

RINGKASAN PROGRAM : 5 orang daripada BUP telah menghadiri satu sesi perbincangan bersama pihak Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) berkenaan permohonan Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) sebagai Remote Pilot Training Organisation (RPTO).

Perbincangan tersebut memberi penekanan kepada keperluan untuk memperincikan kaedah dan keperluan permohonan dalam mesyuarat yang akan datang, memandangkan pihak BUP masih memerlukan penjelasan lanjut berhubung beberapa perkara yang dijangkakan oleh pihak CAAM bagi memastikan permohonan yang dikemukakan menepati standard dan garis panduan yang telah ditetapkan.

Sesi ini juga membuka ruang untuk pihak INSTUN mengemukakan pertanyaan dan mendapatkan penjelasan lanjut bagi memastikan permohonan dapat disediakan dengan lengkap dan memenuhi semua kriteria yang ditetapkan.



KURSUS ONLINE : KESEDARAN KESELAMATAN SIBER (TME03/25)





TARIKH : 23 Jun 2025

TEMPAT : :Dalam Talian (Zoom)

RINGKASAN PROGRAM: Kursus Dalam Talian : Kesedaran Keselamatan Siber (TME03/25) merupakan salah satu kursus anjuran BTM yang terdapat dalam perancangan takwim latihan INSTUN bagi tahun 2025 di bawah kategori keselamatan ict dan rangkaian.Kursus ini yang telah dirancang untuk dilaksanakan secara atas talian di Aplikasi Zoom.

Kursus ini telah melibatkan seramai 87 orang peserta berdaftar dari pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan. Mereka telah memberikan sepenuh komitmen dan menunjukkan kesungguhan yang tinggi dari awal kursus berlangsung sehingga kursus tamat. Kursus ini dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian yang merupakan penyampaian tentang kesedaran keselamatan siber yang dikendalikan oleh penceramah yang berpengalaman dalam bidang ict. Objektif kursus ini adalah supaya peserta dapat diberi pendedahan berkenaan bahayanya tentang pencerobohan dalam dunia siber dan salah laku penggunaan software yang digunakan untuk pengodaman.

Tahniah dan syabas serta ribuan terima kasih diucapkan kepada penceramah luar kita En.Mohd Razalan bin Kamal dari Jabatan Audit Negara, barisan urus setia dari Bahagian Teknologi Maklumat INSTUN serta semua peserta kursus yang telah menayakan kursus ini.



KURSUS KUASAI TEKNIK PENYUNTINGAN VIDEO (CAPCUT DESKTOP) (TM07/25)

TARIKH : 24 – 26 Jun 2025

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Teknologi Maklumat 1, Akademik B, INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus Kuasai Teknik Penyuntingan Video (Capcut Desktop) ini dijalankan selama tiga hari dan memberi penekanan kepada penguasaan teknik penyuntingan video menggunakan aplikasi CapCut versi desktop. Seramai 40 orang peserta telah menghadiri kursus ini, terdiri daripada pelbagai jabatan kerajaan. Kehadiran peserta yang aktif dan bersemangat telah menyumbang kepada kelancaran serta keberkesanan penganjuran kursus. Sepanjang kursus, peserta didedahkan kepada teori dan juga latihan amali dalam penyuntingan video, bermula dari peringkat asas hingga ke peringkat lebih kreatif dan teknikal. Peserta berpeluang untuk menghasilkan video sendiri sebagai latihan akhir.

Banyak manfaat yang peserta perolehi daripada kursus ini antaranya, peserta dapat menambahkan pengetahuan dan kemahiran praktikal dalam menggunakan CapCut untuk menghasilkan video yang sesuai digunakan dalam tugas rasmi jabatan, penyampaian maklumat, serta kandungan media sosial jabatan masing-masing. Kursus ini juga meningkatkan kreativiti dan kompetensi digital peserta.

Secara keseluruhan, kursus ini berjalan lancar dan mencapai objektif yang ditetapkan. Adalah dicadangkan agar kursus lanjutan yang memfokuskan kepada teknik penyuntingan video lanjutan atau penghasilan kandungan multimedia interaktif dapat diadakan pada masa akan datang bagi memperkukuh kemahiran peserta.



KURSUS GOOGLE MAPS LANJUTAN: NAVIGATION & CUSTOMIZATION

TARIKH : 24 - 26 Jun 2025

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Multimedia, INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Kursus Google Maps Lanjutan: Navigation & Customization (TM06/25) merupakan salah satu kursus anjuran BTM yang terdapat dalam perancangan takwim latihan INSTUN bagi tahun 2025 di bawah kategori GIS. Kursus ini dilaksanakan selama tiga (3) hari, iaitu pada 24 hingga 26 Jun 2025.

Kursus ini telah melibatkan seramai 18 orang peserta berdaftar dari pelbagai Jabatan/ Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, Syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Swasta. Mereka telah memberikan sepenuh komitmen dan menunjukkan kesungguhan yang tinggi dari awal kursus berlangsung sehingga kursus tamat. Kursus ini dilaksanakan sepenuhnya secara bersemuka yang melibatkan penyampaian teori secara ceramah dan latih amal (hands-on lab) yang turut disertai oleh semua peserta dengan bimbingan Penceramah.

Objektif kursus ini adalah supaya peserta dapat Mempelajari asas penggunaan aplikasi Google Maps dan kamera 360, mempelajari kaedah customize aplikasi Google Maps dan membuat analisis mudah dan carian serta mencetak peta menggunakan aplikasi Google Maps.

Tahniah dan syabas serta ribuan terima kasih diucapkan kepada penceramah dari Jabatan Laut Malaysia iaitu Encik Sulaimi bin Ahmad dan Puan Lizawati binti Zainal dari Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) serta barisan Urus Setia dari Bahagian Teknologi Maklumat INSTUN serta semua peserta kursus yang telah menjayakan kursus ini.



PROGRAM JOM SIHAT @ INSTUN

TARIKH : Sepanjang bulan Jun 2025.

TEMPAT : Perkarangan INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM : Program Jom Sihat bagi bulan April telah dilaksanakan pada 4, 11, 18 dan 25 Jun 2025. Program dimulakan pada jam 7.45 pagi dengan senaman ringkas, kemudian peserta boleh melaksanakan aktiviti sukan masing-masing seperti briswalk, berbasikal, bersenam di gimnasium, bermain badminton, tenis dan bola tampar. Staf INSTUN yang terlibat dengan Sukan PESUMA juga turut melaksanakan latihan sukan melalui program Jom Sihat.



BENGKEL HANDS-ON KAMUS KOMPETENSI FUNGSIAN (KKF) KE DALAM SUBMODUL MyPERFORMANCE INSTUN

Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Institut Tanah dan Ukur Negara telah berjaya menganjurkan Bengkel Hands-on Kamus Kompetensi Fungsian (KKF) ke Dalam Submodul MyPerformance INSTUN Tahun 2025 pada 23 Jun 2025 di Pusat Kecemerlangan Tanah, INSTUN. Secara keseluruhannya, bengkel ini telah disertai oleh seramai 33 orang peserta. Bengkel ini disasarkan kepada Pentadbir KKF Agensi INSTUN di peringkat bahagian yang telah dilantik di setiap Bahagian/ Seksyen/ Unit.

Objektif bengkel ini adalah bagi memastikan arahan penggunaan MyPerformance bagi Modul Pengurusan Prestasi Tahun Penilaian 2025 di INSTUN dapat dilaksanakan pada tahun ini serta proses mengunci masuk KKF di peringkat bahagian/ seksyen/ unit dapat dilaksanakan dalam usaha menyokong pembangunan Submodul MyPerformance.

Penceramah bengkel ini ialah Puan Amallia binti Mohd Sabry, selaku Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia, INSTUN.

